

10 JUN 1996
Sanusi - Adil '''
SANUSI IKRAR MEMIMPIN SECARA ADIL

ALOR SETAR, 10 Jun (Bernama) -- Bakal Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid hari ini berikrar akan memimpin kerajaan negeri secara adil dan saksama tanpa mengamalkan pilih kasih.

Beliau juga mengharapkan semua pihak, termasuk wakil rakyat dan pegawai kerajaan negeri memberikan kerjasama bagi menentukan negeri ini terus maju dan mencapai sasaran rancangan pembangunan.

Sanusi, anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah dan bekas Menteri Pertanian, menerima surat perlantikannya daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana hari ini sebelum Perdana Menteri berlepas ke luar negara untuk bercuti selama tiga minggu.

Menurut sumber kerajaan negeri Kedah, majlis mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar akan diadakan di Istana Anak Bukit, dekat sini pada pukul 9 pagi, Ahad ini (16 Jun).

Mengenai rancangan pembangunan negeri ini, Sanusi berkata beliau akan meneliti kesemua rancangan pembangunan negeri ini sebelum menimbangkan sebarang perubahan.

Beliau memberitahu pemberita di kediamannya di sini bahawa rancangan yang telah dilaksanakan akan diperhebatkan, yang belum akan dilaksanakan dan yang didapati tidak sesuai akan ditamatkan.

Beliau juga berkata bahawa dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri di Kuala Lumpur pagi tadi, Dr Mahathir menyatakan harapannya mengenai pembangunan Kedah.

Katanya Dr Mahathir memberitahu beliau tentang perkara yang patut dilakukan apabila dilantik menjadi Menteri Besar Kedah.

Sanusi berkata beliau menerima surat perlantikan sebagai Menteri Besar di "Sri Perdana" pagi tadi sebelum Perdana Menteri berlepas ke luar negara untuk bercuti.

Katanya surat itu menyebut tentang perlantikannya sebagai Pengerusi Barisan Nasional Kedah tetapi tidak menyebut mengenai jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri.

Sanusi berkata beliau bersyukur dan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menerajui kerajaan negeri.

Menurutnya perlantikan itu sama seperti semasa beliau menjadi menteri kerana ia merupakan satu tugas yang bermula daripada perancangan kerajaan Barisan Nasional.

"Dalam memimpin kerajaan negeri Kedah, saya akan cuba bersikap adil kepada semua kaum tanpa sebarang pilihan kasih dalam pentadbiran.

"Saya berharap semua wakil rakyat daripada BN dan pegawai kerajaan akan memberikan kerjasama kepada kerajaan negeri," katanya.

Ketika ditanya bila beliau akan menjalankan tugas sebagai Menteri Besar, Sanusi berkata beliau akan memulakan tugas selepas dilantik dan mengangkat sumpah.

Bagaimanapun, beliau belum menerima surat mengenai majlis mengangkat sumpah jawatan, tetapi berkata: "Saya difahamkan pada 16 Jun ini."

Mengenai perubahan yang bakal dilakukannya, Sanusi berkata terlalu awal baginya untuk menentukannya.

Semasa ditanya mengenai barisan Exco Kerajaan Negeri, Sanusi berkata beliau tidak menghadapi sebarang masalah dengan barisan yang sedia ada serta juga dengan anggota-anggota dewan dari Barisan Nasional.

"Ini kerana saya sendiri sebenarnya, walaupun sudah lama dalam politik, saya lebih mengendalikannya pentadbiran kementerian saya sebagai seorang Ketua

Eksekutif.

"Jadi, pertimbangan saya lebih kepada keinginan untuk bekerja ... kalau seseorang itu ingin untuk bekerja kuat untuk agama, bangsa dan tanah air, dan kalau dia ingin bekerja untuk kepentingan parti dan rakyat, ini tidak ada masalah," katanya.

Sanusi berkata beliau menganggap sebagai tidak adil untuk mengganti seseorang itu semata-mata orang baru dilantik menerajui kerajaan.

"Kita kena tengok prestasi masing-masing dan kita terpaksa bekerjasama dengan semua pihak untuk melihat di mana kelemahan dan kebaikan yang ada pada seseorang."

Ketika diminta mengulas tindakan 22 ADUN menandatangani memorandum menentang rancangan melantik beliau sebagai Menteri Besar, Sanusi berkata ianya bukan satu masalah.

"Kalau saya dijemput menghadiri tahlil itu, sayapun akan tandatangan," katanya.

Katanya kebanyakan daripada wakil rakyat di negeri ini adalah kawan baiknya dan pernah menerima pertolongannya dan mereka pula pernah juga membantunya.

"Kita sebenarnya berdepan dengan ketika yang memaksa kita membuat sesuatu keputusan dan biasanya dalam sesuatu kumpulan, bila adanya dinamik berkumpul kita biasanya tidak ingin berbeza dengan orang lain dalam kumpulan.

"Tetapi, apabila kita duduk balik (renung kembali) dan pada waktu itu kita akan insaf bahawa apa yang kita buat itu hanya satu kejadian dalam satu peristiwa yang tidak perlu ingatkan untuk selama-lamanya."

Semasa ditanya mengenai halatuju negeri ini di bawah kepimpinannya, sama ada untuk menjadi sebuah negeri perindustrian yang lebih hebat berbanding negeri-negeri lain, Sanusi berkata beliau tidak berfikir mahu untuk bertanding dengan negeri-negeri lain.

"Saya hendak bekerjasama dengan semua negeri... kita kena fikir nak lawan dengan negara-negara lain.

"Kita kena berpakat dengan negeri-negeri lain untuk lawan dengan negara lain, Taiwan dan sebagainya," katanya.

Ketika ditanya kenapa beliau tidak menghadiri perjumpaan Tan Sri Haji Osman Aroff dengan ADUN daripada Barisan Nasional di Wisma Darul Aman pagi tadi, Sanusi berkata beliau sememangnya dimaklumkan mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, beliau berkata beliau telah dipanggil oleh Perdana Menteri untuk menemuinya di Kuala Lumpur bagi menyerahkan surat perlantikan jawatan itu.

-- BERNAMA

MFJ MZM MAI AKD